



## SIARAN AKHBAR

### HARI KEDUA ACARA FINANCIAL FUN FAIR BDCB

**Jerudong Park Colonnade**

**Hari Ahad, 27 Safar 1446H bersamaan dengan 1 September 2024**

---

1. Financial Fun Fair yang Ke-5 anjuran Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) yang diadakan dengan kerjasama Jerudong Park Country Club Sdn Bhd, terus diadakan bagi hari kedua di Jerudong Park Colonnade pada hari Ahad, 27 Safar 1446H bersamaan dengan 1 September 2024.
2. Acara ini turut disokong oleh Rakan-rakan Emas, termasuk Baiduri Bank, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Datastream Digital Sdn Bhd (DST), The Great Eastern Life Assurance Company Limited, MoneyMatch, National Digital Payments Network (ndpx), Progresif Sdn Bhd, Standard Chartered Brunei, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB), Insurans Islam TAIB Family Takaful Sdn Bhd (IITFT) dan Takaful Brunei.
3. Berikutan kejayaan dari hari pertama, acara tersebut terus menarik perhatian orang ramai untuk ikut serta dalam aktiviti-aktiviti yang ditawarkan. Aktiviti-aktiviti mempromosikan konsep-konsep penting berkaitan pengurusan kewangan seperti simpanan, takaful dan insurans, perancangan persaraan, dan perlindungan pengguna kewangan, semuanya dalam suasana yang meriah dan interaktif. Turut serta di fun fair tersebut ialah peniaga-peniaga yang menyediakan pelbagai pilihan makanan dan minuman untuk orang ramai.
4. Acara turut dimeriahkan lagi dengan persembahan-persembahan oleh tatu pancaragam Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Relentless Entertainment, dan persembahan komedi. Satu lagi acara kemuncak pada hari tersebut ialah Fun-ancial Race, di mana 15 pasukan bersaing untuk menyelesaikan cabaran untuk memenangi hadiah wang tunai dalam pertandingan yang menguji minda dan kerjasama berpasukan. Pasukan yang memenangi race tersebut mendapat hadiah sebanyak BND1,000 dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh YM Awang Mardini bin Haji Eddie, Penolong Pengarah Urusan (Operasi Monetari), BDCB.
5. Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif-inisiatif BDCB dalam mempromosikan celik kewangan, sila layari laman web BDCB di [www.bdcb.gov.bn](http://www.bdcb.gov.bn) dan ikuti BDCB di Instagram melalui akaun @centralbank.brunei.

**Brunei Darussalam Central Bank**

Date: 27 Safar 1446 / 1 September 2024

Ref: BDCB/COMMS/3

